

**A CHINESE LIFE OF ISLAM: THE SEARCH FOR IDENTITY.** By Yamin Cheng. The Other Press, Kuala Lumpur. 2012 Pp 90 (+ index). ISBN 9 78939 541793.

**ISLAM AND THE WISDOM OF ASIAN RELIGIONS.** By Yamin Cheng. The Other Press, Kuala Lumpur. 2012 Pp 97 (+ index). ISBN 9 789839 541809

Seperti yang tertera di atas, dua buah buku yang disorot adalah daripada penulis yang sama. Oleh kerana tema dan pola pemikiran penulis yang tertuang dalam kedua-dua buku ini berkait rapat, adalah wajar sorotan pengulas dilakukan secara bersekali. Buku pertama merupakan refleksi pengelaman peribadi penulis yang lahir dan dibesarkan dalam keluarga orang Cina dari benua China dan kemudiannya memeluk agama Islam. Walaupun terdapat lapan bab semuanya, namun bab-bab tersebut lebih merupakan tajuk-tajuk pada tema utamannya iaitu “refleksi pengelaman penulis” semasa berada di Malaysia. Sebelum dipaparkan sorotan terpeninci eluk diperkenalkan serba sedikit mengenai peribadi penulis buku ini.

Sebagai anak kelahiran dari tanah besar China, Yamin Cheng mewarisi tradisi datuk nenek serta budaya masyarakat Cina , sarat dengan nilai-nilai ajaran Kungfucius, Lao Tze dan Buddha yang memang menjadi kepercayaan- amalan majoriti masyarakat Cina sejak turun temurun. Kedatangannya ke Malaysia sebagai pelajar di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) di Kuala Lumpur pada tahun 1984 tidaklah memberi kejutan kepadanya. Ini kerana masyarakat Cina yang ditemuainya, baik dari segi cara hidup dan amalan keagamaan tidak jauh berbeza dengan masyarakat di kampung halamannya. Tidak dapat dipastikan tarikh sebenar beliau memeluk Islam, tetapi yang dapat diketahui sebelum beliau meneruskan pengajian ijazah lanjutannya di Amerika Syarikat, beliau sudah pun beragama Islam. Setelah memperoleh MA daripada George Washington University dan PhD daripada Temple University beliau datang semula ke UIAM sebagai pensyarah pada awal tahun 2000 dan hanya menamatkan khidmatnya pada tahun 2011.

Sehubungan dengan keislamannya, suatu hal yang menarik perhatian ramai ialah pernyataan yang berbunyi “... *He is already, in many ways, ‘a Muslim’ even before entering Islam*” (blurf – *Islam and the Wisdoms of Asian Religions*). Dalam erti kata yang lain mesej yang muh disampaikan penulis buku ini ialah keserasian nilai-nilai agama yang sekian menjadi anutannya sebelum ini adalah selaras dengan nilai-nilai Islam yang baharu ditemuinya sesudah memeluk Islam. Aspek-aspek serta bentuk-bentuk keserasian yang dimaksudkan inilah yang dijadikan pokok perbincangan dalam beberapa bab buku ini misalnya Bab 1: Langkah memasuki Islam (*Stepping into Islam*), Bab 2: Di bawah naungan datok nenek (*Under the ancestors’ shadow*)’ Bab 6: Apa erti agama bagi kami? (*What does religion mean for us?*) dan Bab 7: From Buddhist to Muslim ( Daripada seorang Buddhis menjadi Muslim).

Perlu difahami, dalam konteks agama Buddha yang menjadi anutan masyarakat Cina adalah tidak sama dengan “agama” difahami umum yang esensinya adalah teologi (aspek ketuhanan). Agama Buddha lebih bersifat pemikiran falsafah, penjelasan sifar mengenai tuhan. Sang Buddha adalah seorang “Guru” yang menunjukkan ke jalan pencerahan. Kemasukan ajaran Buddha (asal India) ke tanah besar China dan penerimaan orang-orang Cina jelas memperlihatkan fenomenon simbiosis yang menyamadi dengan ajaran Kungfucius (Kung Fu Tze: 551 – 421 SM) dan ajaran Tao (Lao Tze: 604 – 521 SM) merupakan sesuatu persenyawaan yang serasi dan harmonis dan bersifat eklektik (*eclectic*). Dalam perkataan lain agama yang menjadi anutan masyarakat Cina pada umumnya adalah adunan daripada tiga sumber ajaran: Buddha, Kungfucius dan Taoisme. Misalnya konsep *p'ing an* adalah sesuatu yang diinginkan kerana di sinilah letaknya hubungan harmoni antara: manusia-tuhan-datuk nenek dan alam. Konsep *p'ing an* (hlm. 6, 8 dan 14) berkait rapat dengan ajaran Taoisme. Konsep *ren* (hlm 15, 16) yang menekankan kepentingan hubungan kekeluargaan, yang muda menghormati yang tua, yang tua menyayangi yang muda serta adab pergaulan merupakan perkara pokok menurut ajaran Kungfucius. Daripada ajaran Buddha kita dapati esensi ajaraannya adalah berupa penyingkiran ego yang ada pada diri seseorang, kerana menurut Buddha selagi ego masih wujud dalam diri manusia, *nirvana* tidak akan dapat dicapai. *Nirvana* bermaksud ketenangan jiwa (*selflessness*) yang bebas daripada sebarang noda keduniaan (hlm 73) yang juga disebut sebagai *maya* (hlm 77).

Setelah memahami pokok ajaran ketiga-tiga agama: Buddha, Kungfucius dan Taois yang menjadi anutan manusia yang bernama Yamin Cheng dan juga masyarakatnya maka tidak hairanlah ia mengatakan bahawa ia sudah pun Islam sebelum memeluk Islam. Pertama beliau tidak pernah bertuhankan mana-mana *ilāh*, kerana ajaran yang terdapat dalam Buddhisme, Kungfuciunisme dan Taoisme lebih merupakan ajaran “seorang guru” mengenai tata susila kehidupan baik di peringkat individu, famili, masyarakat mahu pun bernegara. Soal tuhan dan peribadi ketuhanan langsung tidak timbul. Dalam konteks ini Yamin Cheng dapat dikatakan seorang *ḥanīf* (berada dalam landasan tauhid) sebelum memeluk Islam. Kedua, ajaran Buddha mengenai *nirvana* (kehidupan sesudah mati) bagi Yamin Cheng adalah sama dengan kehidupan di akhirat dan *maya* kehidupan di alam nyata, difahaminya sama dengan kehidupan dunia. Ringkasnya *maya* – *nirvana* sinonim dengan dunia-akhirat. Demikian juga halnya yang terdapat dalam ajaran Kungfucius yang menekankan aspek keharmonian berkeluarga seperti memelihara hubungan suami isteri, anak terhadap bapa, hormat kepada orang tua, menjalin kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga (*Ren*), keikhlasan (*Yi*), bersopan santun (*Li*) yang juga tidak kurang pentingnya dalam Islam seperti yang terdapat dalam sifat-sifat *maḥmūdah* (terpuji) seperti *ḥilm* (sopan santun), *beriḥsan* kepada ibu bapa (*wa bilwālidayni iḥsāna*), *bersilaturraḥīm* dalam kalangan ahli keluarga, jiran tetangga adalah sebahagian daripada akhlak Islam. Demikian juga apa yang dianjurkan oleh **Tao** (*The Way*) bermaksud “jalan “ menuju kebenaran , justeru disebutnya *Toa of Islam* dalam menjelaskan konsep kewujudan alam ciptaan Tuhan (*Islam and the wisdoms of Asian religions* hlm 61). Menurut ajaran Toa alam sekitar hendaklah dipelihara dan dizahirkan dengan cara menjalani kehidupan alami. Apa sahaja yang wujud dalam

alam ini tidak boleh diceroboh sewenang-wenang, kerana ia akan mengakibatkan kacau bilau (*disharmony*). Hal-hal seperti ini adalah juga sebahagian yang dituntut oleh Islam kerana menurut Islam segala bukit bukau, gunang-ganang, kayu kayan, lautan dan sungai dan segala tumbuhan dan hidupan baik di darat dan lautan semuanya ayat-ayat Tuhan yang perlu dipelihara dan dimanfaat sebaik mungkin.

Daripada perbicangan di atas, jelaslah bahawa apa yang tercatat tentang diri penulis: “*He is already, in many ways, a Muslim, even before entering Islam*” bukan sahaja ada kewajaraanya tetapi pada hemat pengulas amat tepat sekali.

Dalam memperkatakan masyarakat Cina Muslim di Malaysia penulis memberikan beberapa pandangan bernas kritikal dan bernas. Antaranya isu memberi label “masuk Melayu” apabila orang bukan Islam memeluk agama Islam. Konotasi “masuk Melayu” dengan tidak secara langsung akan mematikan minat khususnya bagi orang-orang Cina kepada Islam. Kerana memeluk agama Islam bererti akan hilang identiti keCinaannya, seperti dikehendakki memakai nama Melayu-Arab sedangkan mengekalkan nama famili seperti Lee, Tee, Wu dan seumpamanya dianggap sebagai pelanggaran tradisi datok nenek mereka (hlm 2). Sebagai jalan tengah, digalakkan memakai nama gabungan misalnya, Yamin Cheng seperti nama penulis buku ini, Shukur Lee, Ridzuan Tee, , Kadir Leong dan beberapa lagi seumpamanya. Turut diceritakan kemajuan masyarakat Cina Muslim seperti menjalankan restoran dengan mempamerkan papan perniagaan RESTORAN CINA MUSLIM dan disertakan nama pemiliknya seperti Shahrin Low, Muhammad Chan, Yusuf Ong dan banyak lagi yang menyediakan makanan masakan Cina seperti nasi ayam hainan, mee wanton. Makan menggunakan ‘chop stick’, bukan lagi sudu dan gerpu sudah menjadi perkara biasa bagi orang bukan Cina apabila berkunjung di restoran Cina Muslim. Dalam bab 5: *The restaurant where religion happens*, diceritakan bagaimana pihak berkuasa Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) menjadikan restoran-restoran multi-nasional seperti KFC, McDonald’s, Kenny Rogers, Pizza Hut menjadi *Islamic compliance* dengan penguatkuasaan mempamerkan logo **Halal** setelah dipastikan semua makanan yang disediakan halal. (hlm 38 -50).

Dalam buku *Islam and the Wisdoms of Asian Religions*, Yamin Cheng, tiga bab yang pertama daripada enam bab membincangkan pokok-pokok ajaran Buddha, Kungfucius dan Tao. Oleh kerana perkara tersebut telah pun disentuh, pengulas akan memberi tumpuan kepada tiga bab terakhir. Yang dimaksud dengan ‘taman bagi tiga kebijaksanaan’ (bab 4) ialah keharmonian ajaran dari tiga agama: Buddha, Kungfucius dan Tao mengenai kewujudan (*existence*) yang berakhir dengan ketiga-tiganya mengarah kepada Zat yang Maha Esa (*The Supreme Being* –hlm 52). Inilah jalur pemikiran penulis dalam mengungkapkan frasa ‘taman bagi tiga kebijaksanaan’ dan dari sini beliau maju ke arah taman kebijaksanaan Islam (*garden of Islamic wisdom*- bab 5). Dengan memahami **Tao** sebagai Jalan ke arah kebenaran sama ada mencarinya menerusi alam syahadah (fizikal) mahu pun alam meta-fizikal (‘ālam al- ghayb), dan dengan potensi akal,

membolehkan manusia sampai kepada keyakinan kewujudan Tuhan Pencipta alam semesta ini. Sekali lagi dijelaskan seperti berikut: 'if the Chinese and Islamic worldviews do overlap, then Chinese thought could be Islamic thought. **Tao** is the keyword that brings the worldviews together'.

Apa yang dapat dirumus daripada kedua-dua buku di atas pada hemat pengulas ialah keinginan penulis mahu menjelaskan konsep kesatuan wujud (*unity of existence*): baik di peringkat kejadian ciptaan Tuhan (*makhluqāt*) mahupun pada tingkat khāliq (keesaan Tuhan, *unity of God*) selaku Pencipta alam jagad ini. Manusia, yang Tuhan pilih sebagai makhluk terbaik, dengan diberi potensi akal, penglihatan, pendengaran dan hati nurani sepantanya lebih segera dan berupaya memahami dan membesarluan Tuhannya, seperti yang dijelaskan dalam kata-kata hukama para sufi: *man 'arafa nafsahu, faqad 'arafa rabbahu*, (hlm 67) bermaksud: sesiapa yang mengenali dirinya sesungguhnya ia kenal akan Tuhannya.

Terdapat pertindahan ketara dari segi tema perbincangan yang dimuatkan dalam buku pertama: *a Chinese Life of Islam – The Search for Identity* dan *Islam and the Wisdoms of Asian Religions*. Hal yang demikian memang tidak dapat dielak kerana pokok perbincangan tidak keluar daripada memperkatakan pokok-pokok pemikiran yang terdapat dalam ajaran Buddhism, Kungfucianisme dan Taoisme yang dijadikan tapak landasan berangkatnya kembara kerohanian penulis dan menyampaikannya kepada perhentian Islam.

Mungkin ada baiknya jika buku kedua digabungkan menjadi sebuah buku dengan mengekalkan tajuk yang sama seperti buku pertama (*A Chinese Life of Islam: The Search for Identity*) dengan memberi tumpuan pengalaman kehidupan beragama seorang Cina yang memang secara *fitrahnya* sudah berislām, hanya sahaja belum dizahirkan secara nyata. Hal yang demikian pada hemat pengulas akan memberi impak yang signifikan dalam usaha mempromosikan Islam dalam kalangan orang-orang Cina khususnya di Malaysia mahu pun di luar Malaysia.

### **Ghazali Basri**

Akademi Kajian Ketamadunan  
Kolej Dar al-Hikmah, Kajang.